

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

**JAPANESE GOVERNMENT (MONBUKAGAKUSHO: MEXT)
YOUNG LEADERS' PROGRAM (YLP) SCHOLARSHIPS FOR 2023**

- (i) Pegawai Kerajaan dalam **Kumpulan Pengurusan dan Profesional** yang sedang berkhidmat dalam **perkhidmatan tetap**;
- (ii) **Telah disahkan dalam skim perkhidmatan terkini** pada tarikh tutup permohonan;
- (iii) **Berumur tidak melebihi 40 tahun** pada 1 Oktober 2023 (lahir pada atau selepas 2 Oktober 1983);
- (iv) Mencapai markah **Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) purata 85 markah ke atas** bagi tempoh genap **3 tahun skim perkhidmatan terkini** berturut - turut (2019, 2020 & 2021). Penilaian setahun LNPT hendaklah genap 12 bulan;
- (v) Memiliki **Ijazah Sarjana Muda** yang diiktiraf oleh Kerajaan sebagai kelayakan akademik tertinggi semasa pegawai;
- (vi) Mengikuti pengajian di **peringkat yang lebih tinggi** daripada kelayakan akademik sedia ada yang dimiliki pegawai;
- (vii) Tidak berkhidmat dalam perkhidmatan angkatan tentera;

- (viii) Kursus yang diikuti adalah berkaitan dan **bersesuaian dengan bidang tugas dengan pengalaman / tempoh perkhidmatan** seperti berikut:

Bidang	Tempoh Perkhidmatan Minimum (sehingga 1 Oktober 2023)
Sekolah Perundangan (Sarjana Perundangan)	4 tahun pengalaman dalam halehwal perundangan
Kursus Sekolah Kerajaan (Sarjana Pengurusan Awam atau Sarjana Perundangan Awam)	3 tahun dalam bidang pengurusan awam
Kursus Sekolah Kerajaan Tempatan (Sarjana Pengurusan Awam atau Sarjana Perundangan Awam)	3 tahun dalam bidang pengurusan awam

- (ix) Mempunyai **penguasaan Bahasa Inggeris yang baik** dengan skor minima seperti berikut:

- (a) **Kursus Perundangan (Sarjana Perundangan)** - TOEFL-iBT 80/IELTS 6.0 atau yang setaraf;
- (b) **Kursus Sekolah Kerajaan (Sarjana Pengurusan Awam atau Sarjana Perundangan Awam)** - TOEFL-iBT 80/IELTS 6.0 atau yang setaraf; atau
- (c) **Kursus Sekolah Kerajaan Tempatan (Sarjana Pengurusan Awam atau Sarjana Perundangan Awam)**- TOEFL-iBT 80/IELTS 6.0 atau yang setaraf.

- (x) Mematuhi **syarat genap tempoh tamat** mengikuti kursus jangka panjang / sederhana / pendek seperti berikut:

Tempoh Kursus	Tempoh Menunggu (pada 1 Januari 2022)
Lebih daripada 12 bulan	2 tahun
Lebih daripada 3 bulan dan kurang daripada 12 bulan	1 tahun
Kurang daripada 3 bulan	Tiada

- (xi) Tidak menerima bantuan penajaan yang lain;
- (xii) Bebas daripada **pertuduhan / tindakan tatatertib** dan bebas daripada dakwaan Mahkamah;
- (xiii) Telah mengisytiharkan harta;
- (xiv) Tidak tersenarai dalam senarai hitam JPA;
- (xv) Memiliki tahap kesihatan yang baik serta bebas daripada penyakit berjangkit; dan
- (xvi) Syarat-syarat lain yang telah ditetapkan oleh pihak penaja (Kerajaan Jepun) seperti mana di dalam garis panduan permohonan program yang berkaitan.